

PROSEDUR PENGELUARAN TAULIAH PENYEMBELIH

1.0 SKOP

- 1.1 Manual prosedur ini hendaklah digunakan dalam proses pengeluaran tauliah penyembelih di Negeri Sembilan Darul Khusus dan urusan-urusan yang berkaitan dengannya.
- 1.2 Manual ini hendaklah dibaca bersama MPPHM, Malaysian Standard dan sebarang garis panduan lain yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berkaitan dengan ternakan dan pusat sembelihan

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan manual ini, tafsiran yang berikut digunakan :-

JHEAINS	- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
JAKIM	- Bahagian Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MPPHM	- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia
Tauliah	- Tauliah penyembelih merangkumi kad dan sijil tauliah

3.0 RUJUKAN PERATURAN / UNDANG-UNDANG

- a) Prosedur Pengeluaran Tauliah Penyembelih Jabatan Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia;
- b) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
- c) Malaysian Standard 1500 : 2009 (semakan ke dua);
- d) Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik Dan Lain-Lain Unggas Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
- e) Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban;
- f) Manual Rumah Penyembelihan Tempatan Untuk Abatoir Ruminan;
- g) Peraturan makanan 1985;
- h) Akta Haiwan 1953;
- i) Code Of Veterinary Practice Malaysia For Ruminat Abatoir;
- j) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011;
- k) Akta Perihal Dagangan 2011;
- l) Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan;
- m) Garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi kerajaan.

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

4.1 Permohonan yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat berikut :-

4.1.1 *Penyembelih*

- a) Beragama Islam;
- b) Sihat akal dan tubuh badan;
- c) Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap (PR);
- d) Berkerja tetap di pusat / rumah sembelih yang berdaftar / berlesen;
- e) Telah memenuhi keperluan berikut :-
 - a) Hadir kursus yang telah ditetapkan dalam tempoh 6 bulan selepas terima tauliah;
 - b) Lulus ujian bertulis;
 - c) Lulus ujian lisan / temuduga
- f) Mempunyai suntikan anti thypoid yang masih sah.

4.1.2 *Premis*

- a) Premis berdaftar atau berlesen;
- b) Mempunyai sistem amalan pengilangan yang baik (GMP);
- c) Mempunyai sistem kawalan amalan pekerjaan yang baik (GHP) di kalangan pekerja-pekerja;
- d) Memenuhi syarat-syarat Pensijilan Halal Rumah Sembelih seperti terkandung di dalam MPHMM dan Malaysian Standard 1500 :2009 (Semakan Ke Dua);
- e) Hendaklah mempunyai bilangan penyembelih, penyelia dan checker mencukupi selaras dengan jumlah sembelihan harian;
- f) Penyembelih, penyelia dan checker hendaklah memohon tauliah;
- g) Rumah sembelih hendaklah hanya mengeluarkan produk halal dan semua rantaian proses dan pengendalian dari sembelihan hingga ke pengangkutan hendaklah mematuhi hukum syarak;

- h) Ternakan sembelihan dikeluarkan kurang dari 1,000 ekor sehari.
 - i) Premis yang mengeluarkan lebih dari 1,000 ekor sehari hendaklah memohon tauliah dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia serentak; dan
- 4.2 Pemohon yang tidak memenuhi syarat di perkara 4.1.1 dan 4.1.2 adalah tidak layak untuk memohon.

5.0 KAEDAH PERMOHONAN

5.1 Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang lengkap. Borang boleh didapati di :-

- a. Bahagian Pengurusan Halal JHEAINS
- b. Pejabat Agama Islam Daerah-Daerah
- c. Muat turun melalui web JHEAINS

5.2 Permohonan berbeza mengikut kategori berikut :-

- a. Ternakan ruminan;
- b. Ternakan ayam, itik dan lain-lain unggas.

5.3 Dokumen –dokumen sokongan hendaklah di lampirkan seperti berikut :-

5.3.1 Permohonan Baru :

- a) Salinan kad pengenalan;
- b) 2 keping gambar ukuran lesen memandu;
- c) Surat lantikan sebagai pekerja tetap;
- d) Salinan kad suntikan anti thypoid;
- e) Salinan lesen pendaftaran syarikat (SSM); dan
- f) Salinan lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Pejabat Perkhidmatan Veteriner Negeri (DVS) atau surat sokongan dari pihak berautoriti sekiranya lokasi premis di luar kawasan PBT.

5.3.2 Permohonan Pembaharuan :

- a) 2 keping gambar ukuran lesen memandu;
- b) Kad Tauliah dan Sijil Tauliah yang asal;
- c) Salinan kad suntikan anti thypoid; dan
- d) Salinan sijil kursus yang ditetapkan oleh jabatan

- 5.4 Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- 5.5 Hanya borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan yang lengkap sahaja akan diproses

6.0 FI TAULIAH

- 6.1 Fi yang dikenakan kepada pihak majikan sebanyak RM 50.00 bagi setiap satu permohonan untuk tempoh 2 tahun;
- 6.2 Bayaran dikemukakan semasa menyerahkan dokumen permohonan yang telah lengkap;
- 6.3 Resit rasmi dikeluarkan selepas pembayaran dibuat; dan
- 6.4 Bayaran tidak akan dikembalikan seandainya permohonan gagal atau ditolak.

7.0 TATACARA PENTAULIAHAN

- 7.1 Tauliah dikeluarkan hanya kepada mereka yang telah memenuhi perkara berikut :-
 - a. Lulus ujian bertulis (30 markah dan ke atas);
 - b. Lulus ujian temuduga; dan
 - c. Premis memenuhi kehendak di dalam **perkara 4.1.2.**
- 7.2 Pemohon dibenarkan membuat ulangan bagi ujian bertulis atau temuduga sebanyak 2 kali sahaja tanpa bayaran tambahan.
- 7.3 Tauliah dikeluarkan mengikut kategori berikut :-
 - a. Ternakan ruminan;
 - b. Ternakan ayam, itik dan lain-lain unggas
- 7.4 Pemohon yang gagal setelah ualangan terakhir hendaklah mengemukakan permohonan baru selepas 30 hari dari tarikh keputusan dikeluarkan.
- 7.5 Keputusan adalah muktamad

8.0 TANGGUNGJAWAB PEMEGANG TAULIAH

8.1 *Etika Penyembelih :*

- 8.1.1 Memastikan rukun dan syarat sah sembelih di patuhi semasa menjalankan proses sembelihan;
- 8.1.2 Tidak mengabaikan tuntutan agama Islam seperti solat dan sebagainya;
- 8.1.3 Hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan menutup aurat sepanjang tempoh bertugas;
- 8.1.4 Menjaga kebersihan diri dan tempat bertugas;
- 8.1.5 Tidak bersubahat di dalam perkara-perkara yang menyalahi syarak;
- 8.1.6 Memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sekiranya majikan melakukan perkara yang melanggar prosedur atau perkara melanggar Syarak;
- 8.1.7 Memastikan hanya sembelihan yang sah sahaja di jual kepada pelanggan manakala sembelihan yang tidak sah dimusnahkan dengan cara yang bersesuaian.

8.2 *Syarat penggunaan tauliah*

- 8.2.1 Tauliah tidak boleh diniaga, ditukarmilik atau dipinda isi kandungannya;
- 8.2.2 Pemegang tauliah pada setiap masa tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh JHEAINS;
- 8.2.3 Pemegang tauliah hendaklah dipertanggungjawabkan juga di atas sebarang penyalahgunaan tauliah atau sebarang pensubahatan dalam perkara-perkara penyelewengan tauliah;
- 8.2.4 Tauliah tidak boleh dipamerkan di mana-mana premis dengan apa jua cara;

8.3 Hilang / Rosak

8.3.1 Sebarang kehilangan tauliah hendaklah dilaporkan kepada Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

8.3.2 Tauliah baru akan dikeluarkan dengan kadar bayaran di para 6.1.

8.4 Pembatalan dan pertukaran tauliah

8.4.1 Tauliah terbatal sekiranya penama berhenti, diberhentikan atau bertukar tempat kerja;

8.4.2 Pemegang tauliah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menukar tauliah tersebut dengan JHEAINS dengan kadar bayaran di para 6.1;

8.4.3 Pemegang tauliah atau majikan kepada penama tauliah hendaklah menyerahkan tauliah yang asal kepada JHEAINS untuk dibatalkan;

9.0 TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

9.1 Memastikan hanya penyelia, penyembelih dan “ checker” bertauliah sahaja yang bertugas atau menguruskan hal ehwal berkaitan sembelihan ternakan pada setiap masa proses ;

9.2 Memastikan setiap pekerja mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan;

9.3 Memaklumkan sebarang perubahan, penambahan, pengurangan atau pertukaran pekerja bertauliah;

9.4 Mewujudkan mekanisme kawalan pengurusan dan penyeliaan ke atas premis dan pekerja;

9.5 Memastikan kebajikan dan keperluan pekerja disediakan terutama tempat solat; dan

9.6 Mengawalselia dengan ketat alat kawalan mesin stunner (jika ada) .

10.0 PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

10.1 *Pemantauan berkala :*

- 10.1.1 JHEAINS atau JAKIM berkuasa menjalankan pemantauan ke atas premis dan pemegang tauliah penyembelih pada bila-bila masa tanpa atau dengan pemakluman;
- 10.1.2 Pihak premis hendaklah membenarkan pemeriksaan dilakukan oleh pegawai berautoriti dengan disaksikan oleh wakil syarikat / premis berkaitan;
- 10.1.3 Kad dan sijil tauliah hendaklah dikemukakan kepada pegawai pemeriksa semasa pemeriksaan dijalankan;
- 10.1.4 Kad dan sijil tauliah boleh digantung sekiranya pihak premis atau pemegang tauliah enggan atau tidak memberikan kerjasama kepada pihak berautoriti;

10.2 *Penggantungan atau penamatan :*

- 10.2.1 Penggantungan tauliah dikenakan serta merta tanpa notis sekiranya :-
 - a) Berlaku pelanggaran prosedur dan hukum syarak;
 - b) Sembelihan dijalankan oleh penyembelih tidak bertauliah;
 - c) Penyelia dan “ checker” tidak berada di lokasi yang sepatutnya;
 - d) Keadaan premis yang tidak terkawal dari aspek kebersihan dan keselamatan; atau
 - e) Gagal menghadiri kursus yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- 10.2.2 Tauliah yang digantung akan dibawa ke Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal Malaysia JHEAINS untuk keputusan lanjut;
- 10.2.3 Jawatankuasa berhak memutuskan :-
 - a) Penggantungan tauliah bagi tempoh masa tertentu;

- b) Penarikan tauliah; atau
- c) Menyerah semula tauliah setelah setiap teguran yang dikeluarkan dimabil tindakan penambahbaikan.

10.2.4 Sebarang salinan kad atau sijil tauliah yang dipamerkan akan dirampas serta merta termasuk yang telah tamat tempoh;

10.3 Penguatkuasaan

Pihak majikan boleh dikenakan tindakan di bawah Perintah Perihal dagangan (Takrif Halal) 2011 sekiranya diapati berlaku pelanggaran aspek Syariat dan jika sabit kesalahan boleh didenda :-

(a) Individu

Denda sehingga RM 1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya didenda sehingga RM5 juta atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

(b) Syarikat atau pertubuhan perbadanan

Denda sehingga RM 5 juta bagi kesalahan kali pertama dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya didenda sehingga RM 10 juta.

11.0 SERTU

- 11.1 Tauliah digantung serta merta tanpa notis sekiranya didapati berlaku pencemaran najis berat di premis sembelihan atau di sepanjang proses pengeluaran;
- 11.2 Pihak premis hendaklah menjalankan proses sertu di bawah seliaan pegawai dari JHEAINS sekiranya didapati terdapat pencemaran najis berat.
- 11.3 Tauliah dikembalikan setelah sertu dijalankan dan pihak premis mengemukakan prosedur terkini mengelakkan kejadian pencemaran berulang.

Lampiran 1

CARTA ALIRAN PROSEDUR PENGELUARAN TAULIAH PENYEMBELIH

